

KERATAN AKHBAR

Tabika KEMAS lanjut operasi

Foto: ROSLI TALIB

Turut beroperasi sebagai pusat transit, kemudahan kepada ibu bapa

HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

Sebanyak 27 Tabika KEMAS seluruh negara kini turut beroperasi sebagai pusat transit apabila tempoh operasinya dilanjutkan sehingga jam 5.30 petang sebagai satu bentuk kemudahan baharu kepada ibu bapa.

Inisiatif itu kini dalam fasa pertama pelaksanaan, melibatkan 18 Tabika Transit KEMAS kawasan bandar, enam kelas di pinggir bandar dan tiga kelas di luar bandar.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pelaksanaan itu bermula sejak Januari lalu, diuruskan oleh Jawatankuasa Aktiviti Tabika dengan kawalan dan pemantauan



Ismail Sabri bersama Mohamad Fuzi (kiri) dan Amiruddin (kanan) beramah mesra dengan murid tabika selepas merasmikan Projek Rintis Tabika Transit Tahun 2018.

oleh pihak KEMAS.

Menurutnya, KEMAS juga sudah menyediakan Panduan Pengurusan Tabika Transit KEMAS bagi memantau pengurusan Tabika Transit tersebut.

"Pelaksanaan Tabika Transit KEMAS ini dapat menyumbang ke arah pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi bersifat sosial dan mampan kerana ia jadi pilihan utama ibu bapa yang bekerja (B40).

"Selain itu, ia dapat memastikan penjagaan kanak-kanak dan keperluan pembangunan awal mereka

dalam persekitaran seimbang" katanya pada Majlis Pelancaran Projek Rintis Tabika Transit KEMAS 2018 di Tabika Transit KEMAS, Bukit Aman, di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun dan Ketua Pengarah KEMAS, Datuk Amiruddin Ariffin.

Ismail Sabri berkata, yuran Tabika KEMAS antara RM5 hingga RM30 sebulan adalah kerana kos selebihnya ditanggung oleh pihak kerajaan.

Tahun ini sahaja katanya, RM700



Ismail Sabri dan Mohamad Fuzi bergambar ketika menandatangani plak Projek Rintis Tabika Transit Tahun 2018, semalam.

juta diperuntukkan bagi tujuan pengoperasian Tabika dan Taska PERMATA KEMAS.

"Ia mungkin bergantung kepada kos pengisian aktiviti sepanjang tempoh transit. Dalam masa sama kita juga sedia mengembangkan lagi operasi Tabika Transit KEMAS seluruh negara sekiranya mendapat permintaan ibu bapa," katanya.

Sementara itu katanya, pihaknya menasaskan 11,065 Pemaju Masyarakat Tabika KEMAS memperoleh sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak

menjelang 2020 sebagai nilai tambah dalam meningkatkan keberhasilan kanak-kanak.

"Ramai beranggapan Tabika KEMAS tidak berkualiti kerana harga yurannya murah, tapi hakikatnya pelbagai transformasi dilakukan dengan memberi fokus nilai tambah silibus pembelajaran dan penyediaan infrastruktur asas.

"Mentaliti orang kita, asal murah saja tiada kualiti. Kenapa murah? Kerana kerajaan yang tanggung kosnya," katanya.

KETERANGAN AKHBAR